



SYARAT-SYARAT LAZIM PELAN KERJA TANAH MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

Tiada halangan dan perlu mematuhi syarat:

- i. Parit keliling hendaklah dibina di sekeliling kawasan kerja tanah bagi mengelakkan sebarang pencemaran akibat air larian permukaan yang membawa kelodak/lumpur ke lot-lot kiri/kanan/belakang serta jalan hadapan sediaada dan pemilik mesti memastikan tiada sebarang kelodak/lumpur akibat kerja tanah ke lot-lot kiri/kanan/belakang serta jalan hadapan.
- ii. Tiada longkang/parit tanah/anak sungai sediaada dibenarkan ditimbus sehingga longkang/parit tanah/anak sungai lencongan telah dibina dan digali.
- iii. Longkang/ parit tanah/ anak sungai hendaklah dibersihkan daripada kelodak oleh pemilik jika kelodak tersebut disebabkan oleh aktiviti kerja tanah yang dijalankan.
- iv. Pastikan kerja-kerja yang dilaksanakan tidak mencemar dan merosakkan jalan sediaada dan jika jalan sediaada rosak, ianya perlu dibaiki semula ke keadaan asal.
- v. Kerja-kerja penimbunan tanah mestilah tidak lebih dari 300mm (1 kaki) dari jalan premix paling hampir dengan lokasi dan lot- lot bersebelahan bergantung kepada kesesuaian.
- vi. Jika syarat yang ditetapkan di (v) tidak dapat dipatuhi akibat aras lot-lot kiri/kanan/ belakang tersebut berlainan, pemilik mestilah memastikan kerja penimbunan tersebut selamat dengan membina tembok di sempadan lot dengan melantik Jurutera Bertauliah untuk mereka bentuk tembok tersebut lengkap dengan sistem saliran yang bersesuaian atau;
- vii. Merujuk kepada Jabatan Kejuruteraan berkaitan sebarang permasalahan atau kemusykilan yang timbul sebelum sebarang kerja tanah dimulakan bagi mengelakan sebarang permasalahan pada masa hadapan.
- viii. Jabatan tidak akan bertanggungjawab dan menanggung apa-apa risiko atas apa jua yang akan timbul dari kerja-kerja berkaitan pembinaan ini di atas persetujuan rekabentuk yang dicadangkan oleh pemohon dan jabatan terlibat boleh mengambil tindakan di bawah akta yang digunapakai sekiranya terdapat pelanggaran ke atas syarat-syarat yang digunapakai.

Tiada pindaan. Permohonan diproses ke peringkat seterusnya.